

6

PENGERTIAN KONSEP KENDIRI

Jamaludin Ramli

Pengenalan

Kita dapat terus hidup hanya dengan merasa dan memahami persekitaran. Kadang-kala kita salah tanggap dan tafsir situasi dan seterusnya menimbulkan masalah. Set jangkaan dan tindak balas kita menentukan bagaimana kita melihat dunia. Sikap sangsi dan kesimpulan kita tentang individu lain juga menentukan bagaimana kita berinteraksi dengan orang lain. Harapan, impian dan ketakutan menjadi ramalan kepuasan sendiri dan menentukan masa depan pada tahap tertentu. Pengetahuan tentang tingkah laku manusia termasuk kemahiran bantuan sendiri, serta perancangan yang rasional menentukan sebahagian kejayaan kita dalam mencapai matlamat hidup. Motivasi juga menentukan sejauh mana kita menuju ke arah set keperluan dan nilai kita. Perbezaan antara kenyataan dan unggul akan menentukan tahap kepuasan diri dalam hidup kita. Paling penting, manusia hanya satu-satunya spesies yang berkebolehan mengkaji proses pemikirannya, kita faham sebahagian sendiri dalaman kita. Segala dunia fenomena bagi kognisi disebabkan oleh 100 bilion sel saraf yang beratnya 2 ½ paun dalam kepala manusia. Berat otak terdiri kurang daripada 3% berat badan tetapi menggunakan 25% jumlah diri. Joseph Campbell (1985) mempercayai bahawa konsep 'kendiri' yang berdikari, arah-kendiri tidak berkembang sehingga 800 tahun dahulu. Jadi, ini adalah idea baru relatif (lebih lama daripada idea bahawa kita tidak berada dalam pusat universal) yang makin penting. Dalam zaman pertengahan, nilai dan maksud diarah oleh masyarakat. Hari ini, teori 'kendiri' yang moden menyatakan setiap

individu dijangka untuk memutuskan apa pengambilan Oksigen badan. Ia merupakan tempat yang sibuk, berkuasa, berfenomena dan misteri.

Antara 700 dan 1500, konsep 'kendiri' dikenal sebagai yang lemah, berdosa, kasar, bersifat mementingkan yang betul dan cukup memahami diri untuk menentukan jenis tindakan yang 'terasa betul'. Pendek kata, kita mesti memahami diri, baru kita boleh tentukan matlamat hidup dan kesempurnaan kendiri. Budaya 1200 dan 2000 adalah dua dunia yang amat berbeza.

Hari ini, konsep kendiri kita, iaitu pengetahuan kita, andaian dan perasaan tentang diri kita, adalah pusat kepada kebanyakan proses mental. Kesedaran kendiri adalah antara satu konsep yang terpenting dalam psikologi. Kita tahu bahawa konsep kendiri setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain. Tetapi hairannya, tiada satu persetujuan tentang struktur umum atau isi konsep kendiri. Ada pepatah yang mencadangkan bahawa anda mempunyai satu kendiri benar atau kendiri tulen seperti yang dikatakan "jadi anda sahaja". Kendiri benar mungkin sama dengan identiti yang kamu lebih suka atau kendiri anda yang terbaik. Kendiri ini kemas, seragam, penerangan positif stabil yang relatif tidak padan dengan realiti yang kebanyakan kita mengalami. Nampaknya kita mempunyai satu kendiri dengan banyak bahagian, ada yang disukai dan ada yang tidak.

APAKAH ITU KONSEP KENDIRI?

Manusia mempunyai suatu gambaran atau pandangan tentang diri sendiri. Gambaran inilah disebut konsep kendiri atau imej kendiri. Ia merangkumi gambaran tentang rupa paras, kesihatan fizikal, kebolehan, kelemahan dan tingkah laku kita.


Konsep kendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia berkait rapat dengan perasaan kita terhadap kebolehan kita, perkara yang berlaku pada diri kita dan perkara yang akan berlaku pada diri kita.

Untuk membina konsep kendiri seseorang juga menerima penilaian daripada orang lain. konsep kendiri seseorang meliputi persepsi tentang diri dan alam sekelilingnya melalui derianya dan juga perasaan tentang kebolehannya meliputi keyakinan dan harga dirinya. Konsep kendiri meliputi aspek jasmani dan juga psikologi. Ia juga berkaitan dengan pembelajaran yang dialami semenjak kanak-kanak masih kecil lagi.

Menurut Harter (1983) dalam buku Personaliti: “Becoming a Person”, konsep sendiri ialah agen perkembangan diri individu terutamanya kanak-kanak. Kanak-kanak akan berkembang sebagai objek iaitu merupakan sesuatu yang unik dan boleh diperhatikan tahap perkembangannya. Oleh itu ini memerlukan kerjasama daripada banyak pihak supaya konsep sendiri kanak-kanak subur secara positif.

Konsep sendiri boleh dianggap sudah menjadi satu perkataan yang biasa diperkatakan oleh orang ramai dalam kehidupan mereka. Tetapi setakat mana seseorang individu faham dan jelas dengan istilah ini bersama dengan struktur-strukturnya jawapannya hanya boleh dirujuk kepada beberapa pengertian dan pendapat oleh ahli-ahli psikologi dan kaunseling berikut.


Menurut Rogers (1951) yang mengemukakan Terapi Pusan-Klien, beliau berpendapat bahawa konsep sendiri adalah terdiri daripada gabungan di antara penilaian sendiri, penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1 di bawah. Misalnya, jika seseorang individu mempunyai konsep sendiri yang dirinya adalah seorang yang baik dan bila berada di dalam sesuatu persekitaran, dia dilayan dan diberi perhatian sebagaimana yang sepatutnya diberikan kepada orang baik.



Rajah 6.1: Cara Pembentukan Kendiri (Rogers, 1951))

Pada tahun 1951, telah melihat sendiri dalam aspek yang lebih mendalam dan luas. Beliau membahagikan sendiri global kepada sendiri sebagai mengetahui “I” atau I’ dan sendiri sebagai diketahui “me” Kendiri yang mengetahui “I” aktif memproses pengalaman dan adalah konsep universal di mana semua orang dapat memproses pengalamannya. Kendiri sebagai diketahui “me” pula ialah kandungan apa yang dialaminya dan merupakan konsep yang spesifik kepada individu tersebut.

Bagi sendiri sebagai diketahui “me,” Rogers (1885) membahagikannya kepada sendiri sebagai objek (struktur) yang bermaksud persepsi individu terhadap dirinya atau imej sendiri dan sendiri sebagai proses iaitu penilaian atau penghargaan individu terhadap kendirinya. Ini seterusnya akan membentuk konsep sendiri yang terdiri daripada kognisi sendiri, sendiri dari aspek orang lain dan sendiri ideal seperti rajah 2 di bawah.



Rajah 6.2: Kendiri Global dan Subsistemnya

ASPEK KONSEP KENDIRI

Menurut Kash & Borich (1978) dalam buku “Teacher Behavior & Pupil Self-Concept,” konsep sendiri yang umum terdiri daripada lima deria sendiri iaitu deria sendiri berpendirian, deria identiti sendiri, deria perkembangan sendiri, deria penghargaan sendiri dan deria imej sendiri. Model ini dikatakan mewakili komponen-komponen dalam bentuk bersifat psikologi yang konsisten dan biasa kepada kesemua konsep sendiri. Kendiri pendirian adalah yang paling dominan dan penting. Ia merujuk kepada kebolehan merasa atau melihat yang umum berkenaan keselamatan-bahaya, penerimaan-penolakan dan percaya-tidak percaya orang lain dan persekitaran. Identiti sendiri merujuk kepada kebolehan sendiri bergabung dengan orang lain dan persekitaran dan mempunyai identiti peranan dan terlibat sebagai ahli sosial melalui komunikasi. Perkembangan sendiri merujuk kepada sendiri sebagai pelaksana, pelajar dan orang

yang mengetahui yang diekspresikan sebagai kecemerlangan sendiri. Penghargaan sendiri merujuk kepada pengesahan sendiri, pengiktirafan dan pengenalpastian berkenaan impak daripada orang lain dan persekitaran. Imej sendiri pula merujuk kepada keadaan nilai sekarang dan masa lepas berdasarkan imej sendiri dan nilai berdasarkan sendiri unggul'

PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI

H.W.Marsh dan R.J.Shavelson (1985) telah mendapati bahawa pelajar-pelajar mempunyai beberapa konsep sendiri yang berbeza-beza tetapi saling berkaitan. Konsep sendiri mereka terbentuk oleh konsep-konsep sendiri lain yang lebih spesifik. Secara keseluruhannya konsep sendiri dapat dibahagi kepada 3 bahagian dalam bidang yang berbeza iaitu : Ingggris, Matematik, dan non-akademik (akhir-akhir ini kajian menunjukkan bahawa kebolehan dalam bidang seni juga berpengaruh).

STRUKTUR KONSEP KENDIRI

Konsep sendiri seseorang terdiri daripada 4 struktur utama. Setiap elemen-elemen ini memainkan peranan yang penting dalam memahami bagaimana konsep sendiri berkait rapat kepada mengarah dan mengekalkan tingkah laku individu. Elemen persepsi sendiri tersebut berkait rapat antara satu sama lain.

JENIS-JENIS KONSEP KENDIRI

Konsep sendiri dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu konsep sendiri positif dan konsep sendiri negatif. Berikut akan dibincangkan dengan lebih lanjut mengenai kedua-dua konsep sendiri tersebut.

1. Konsep Kendiri Positif

Jika kita perhatikan seseorang yang sering di kaitkan dengan kejayaan dalam hidup ialah mereka yang dapat membina konsep sendiri yang positif. Mereka yang mempunyai konsep sendiri yang positif ini sentiasa menerima layanan dan perhatian yang baik sama ada daripada ibu bapa sendiri, keluarga, guru, rakan-rakan mahupun orang yang berada di persekitarannya. Individu ini

akan sentiasa mengalami lebih banyak kejayaan berbanding dengan kegagalan. Individu ini juga sering berasa gembira, berkeyakinan dan mempunyai kepercayaan yang penuh terhadap dirinya sendiri untuk melakukan sesuatu. Individu ini juga tidak mudah melatah atau mengalah dan sanggup menghadapi sebarang cabaran dan dugaan dan sekiranya berlakunya kegagalan, akan di terimanya dengan tenang dan tabah. Selain itu individu ini bersifat optimistik, lebih terbuka sikapnya serta sedia menerima pendapat dan kritikan orang lain. Dia juga bersifat lebih relax, mudah berinteraksi dengan orang lain serta senang didampingi. Individu ini sentiasa tenang dan stabil serta seimbang dari segi emosi.

2 Faktor-faktor yang mempengaruhi konsep sendiri positif

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi terbentuknya konsep sendiri yang positif di dalam diri seseorang individu. Pertamanya ialah sentiasa memperoleh ganjaran yang positif seperti pujian yang membina, hadiah dan sebagainya sejak dari kecil apabila melakukan sesuatu sama ada mendapat kejayaan mahupun kegagalan. Peneguhan yang paling berkesan adalah datangnya dari ibu bapa kerana mereka merupakan orang yang paling dekat dengan individu tersebut. Di antara peneguhan yang positif ialah: bagus cuba lagi yang lebih baik, Pandai anak ibu dan sebagainya.

Individu yang sentiasa mendapat kasih sayang dan layanan yang baik daripada ibu bapa dan keluarga juga berkemungkinan besar akan dapat membentuk konsep sendiri yang positif. Ini kerana individu tersebut tidak akan merasa kekurangan dan kekosongan dalam hidupnya. Mereka akan sentiasa merasa di hargai dan merasa ada orang yang ada bersama-samanya dalam melakukan sesuatu.

Keadaan dan persekitaran keluarga juga turut mempengaruhi seseorang individu dalam membentuk konsep sendiri yang positif. Keadaan keluarga yang stabil dan harmoni akan membantu seseorang membina konsep sendiri yang baik. Sekiranya keluarga berada dalam keadaan yang harmonis dan ceria, setiap daripada ahli keluarga akan berasa selamat dan gembira dilahirkan dalam keluarga tersebut.

Selain itu individu yang sering mendapat pengiktirafan sama ada dari ibu bapa, guru dan rakan-rakannya berjaya membentuk konsep sendiri positif. Individu ini akan sentiasa dalam keadaan riang dan gembira kerana dapat membuatkan orang yang berada di persekitarannya mempercayai dan yakin dengan kebolehannya.

Selain dari itu keyakinan yang tinggi yang ada dalam diri individu sendiri juga dapat membentuk konsep sendiri yang positif dalam dirinya. Ini kerana kepercayaan yang kuat dan teguh kepada diri sendiri akan menyebabkan individu terbabit akan berusaha untuk melakukan yang terbaik untuk dirinya tanpa merasa takut dan malu apabila mengalami kegagalan.

3 Konsep Kendiri Negatif

Jika dilihat pula individu yang sering dikaitkan dengan kegagalan sama ada dalam apa bidang sekali pun biasanya tidak lari daripada mempunyai konsep sendiri yang negatif. Berbeza penampilannya dengan individu yang mempunyai konsep sendiri yang positif di mana individu jenis ini akan sentiasa berasa tidak puas hati, tidak gembira, cepat merajuk serta perasaannya mudah tersinggung.

Individu seperti ini sering dimarahi ataupun dikritik sama ada oleh ibu bapa, guru, rakan-rakan dan sesiapa sahaja yang berada di persekitarannya. Mereka juga kurang menerima kasih sayang atau perhatian. Mereka biasanya kurang diterima oleh guru, rakan sebaya mahupun orang lain. Keadaan ini akan memburukkan lagi keadaan di mana individu tersebut akan berasa dirinya mempunyai aras keyakinan yang rendah. Seterusnya keadaan ini akan menyebabkan individu berkenaan akan membentuk sifat rendah diri dalam dirinya. Akibat daripada itu individu tersebut akan menjadi seorang yang pasif, sentiasa dalam keadaan yang muram dan tidak mudah untuk bergaul dengan orang lain atau tidak mahu bersosialisasi dengan persekitarannya. Mereka yang tergolong dalam golongan individu yang mempunyai konsep sendiri negatif ini lazimnya suka melakukan kerja-kerja yang mudah dan senang untuk menjamin kejayaan. Mereka juga suka bergaul dan bermain dengan individu yang lebih muda darinya dan yang mempunyai kemampuan intelektual yang rendah. Apa yang amat menyedihkan, individu ini amat mudah dipermainkan oleh orang lain.

4 Faktor yang mempengaruhi konsep kendiri negatif

Seperti mana yang kita ketahui seorang individu yang baru dilahirkan masih belum mempunyai konsep sendiri. Konsep sendiri yang kita ketahui terbentuk daripada proses berinteraksi dengan orang lain sama ada konsep sendiri positif ataupun negatif. Di sini akan dibincangkan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi konsep kendiri negatif.

Konsep sendiri yang negatif lahir daripada kurangnya kasih sayang, perhatian dan belaian daripada ibu bapa, guru ataupun orang dewasa yang lain. Ini mengakibatkan wujudnya perasaan tidak dipunyai serta kekurangan dalam diri individu tersebut. Daripada perasaan ini akan lahirlah suatu penerimaan yang negatif dalam diri dan akhirnya akan membentuk satu yang di namakan konsep sendiri yang negatif.

Suasana keluarga juga merupakan faktor yang boleh mendorong kepada pembentukan konsep sendiri. Sekiranya suasana keluarga yang bahagia dan harmoni akan dapat membentuk konsep sendiri yang positif maka keadaan keluarga yang sebaliknya pula akan membentuk konsep sendiri yang negatif. Ini kerana keadaan keluarganya yang kucar kacir serta dengan keadaan ibu bapa yang sering bergaduh dan tidak memberikan perhatian dan kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak akan menyebabkan anak-anak yang sedang membesar berasa tidak selamat berada dalam keluarga tersebut. Perasaan ini pula akan menyebabkan anak-anak sentiasa dalam keadaan ketakutan serta kerunsingan dan seterusnya akan terbentuklah konsep sendiri yang negatif.

Kedudukan sosioekonomi keluarga yang rendah berbanding dengan keluarga lain juga merupakan satu punca yang mengakibatkan terbentuknya konsep sendiri yang negatif. Individu tersebut akan berasa rendah diri kerana keperluan dan kehendaknya. tidak dapat dipenuhi oleh keluarganya seperti keluarga yang lain.

Seterusnya aspek fizikal yang tidak sempurna juga dapat membentuk konsep sendiri yang negatif. Kecacatan yang dimiliki akan dirasakan sebagai penghalang kepadanya untuk bergaul dan menyertai aktiviti-aktiviti seperti orang lain. Keadaan ini akan menyebabkan individu tersebut akan berasa rendah diri dan merasakan bahawa dirinya tidak berguna kepada orang lain.

KESIMPULAN

Konsep sendiri adalah dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Konsep sendiri bergantung kepada interaksi sosial seseorang yang mempengaruhi persekitaran. Dalam hal ini semakin banyak seseorang bergaul, pengalamannya juga bertambah. Rogers (1951) telah menyatakan bahawa manusia itu memang mempunyai potensi untuk menuju ke arah kesempurnaan sendiri dengan syarat seseorang itu harus mempunyai keyakinan terhadap dirinya. Dengan ini adalah penting untuk seseorang memiliki konsep sendiri yang baik yang akan membantunya menuju ke arah

kesempurnaan sendiri bagi menjamin kehidupan yang lebih bermakna. Usaha meningkatkan konsep sendiri perlu terus dijalankan agar pelajar dapat menempuh masa depan dengan penuh cemerlang.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Zurihanmin Zakariya. (2005). *Psikologi Kognitif*. UTM : Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya; Asmah Suboh; Zurihanmi Zakaria; Fawziah Yahya (2005). “Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan” Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing. Kuala Lumpur.
- Baller, W. R dan Charles, D.C. 1986 *The Psychology of Human Growth and Development*. Rein Holt New York
- Best J.B. (1999). “Cognitive Psychology (5th Ed.)” United States of America : Brace.
- Chris M. Herdman & Jo-Anne LeFevre, Educational Psychology: 1992, Vol 84, No 1, *Individual Differences in the Efficiency of Word Recognition*, USA: American Psychological Association Inc.
- Connell ,W.F . (1981) . Asas Pendidikan . Kula Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Derek Torrington, Jane Weighvman (1989). *Effective Management:People and Organisation*. New York; Prentice- Hall, Inc.
- Douglas, L. Medin, Brain, H. Ross (1996). *Cognitive Psychology*. USA: Harcourt Edition, New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Eggen, P. & Ksuehak, D. (2001). “Educational Psychology Windows On Classrooms”. 5th Edition. Upper Saddle River, New Jersey : Merrill Prentice Hall.
- Flavell J.H. (1977). “Cognitive Development” New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Flawell, John H.; Miller, Patricia H.; Miller, Scot A. (1993). **Cognitive Development (Third Edition)**. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Gagne, R. M. (1985). *The Conditions of Learning and Theory of Instruction*. 4th Edition. New York : Holt, Rinehart & Winston.
- Gross, R. (2001). “Psychology The Science Of Mind And Behaviour”. 4th Edition. London : British Library Cataloguing in Publication Data.
- Hall, C.S and Lindzey, G (1978). *Theories of Personality*. New York: John Wiley & Sons.
- Noraini Ahmad 1994. *Kaunseling Remaja: Pengalaman Peribadi Seorang Kaunselor*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Norman A. Sprinthall, Richard C. Sprinthall & Sharon N. Oja. (1994). *Educational Psychology: A Developmental Approach*. 6th Edition. New York: Prentice Hall.
- Robert J. Sternberg (1994). *In Search of the Human Mind*. USA: Harcourt Brace.
- Rohaty Mohd. Majzub (1992), *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Sharifah Alwiah Alsagof. (1987) . Psikologi Pendidikan 1 . Kula Lumpur. Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Zanden, James W. Vander. (2000). *Human Development* . USA: The Mc. Graw- Hill Companies. Inc.